

07/07/1998

Negara Islam mesti seiring dunia

KUALA LUMPUR, Isnin - Negara Islam tidak harus mengasingkan diri mereka tetapi sebaliknya mesti seiring dengan dunia jika tidak mahu ketinggalan, kata Dr Mahathir Mohamad.

"Kini bukan lagi masanya untuk mengasingkan diri dengan apa cara pun. Kita perlu bersatu, kita mesti memajukan diri ke tahap yang sama dari segi sains, teknologi dan industri," katanya dalam temu bual dengan Dr Nazir Khaja, pengerusi Perkhidmatan Penerangan Islam yang berpangkalan di California, Amerika.

Temubual itu disiarkan melalui TV2 sempena sambutan Maulidur Rasul.

Seorang pegawai kepada Perdana Menteri berkata, temu bual itu dibuat awal tahun ini dan disiarkan di Amerika Syarikat, pada Februari lalu.

Ketika temu bual selama sejam itu, Dr Mahathir juga ditanya sama ada beliau akan terus menerajui negara selepas pemilihan parti 1999 dan hubungan beliau dengan timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Belum lagi masa untuk memutuskannya. Saya perlu teliti dahulu dan adalah tidak wajar melepaskan pucuk pimpinan negara semasa negara menghadapi masalah," kata Dr Mahathir merujuk kepada kegawatan ekonomi sekarang ini.

Mengenai laporan media Barat yang terdapat perbezaan pendapat yang serius antara beliau dan Anwar, Dr Mahathir berkata tiada dua orang di dunia ini yang sentiasa sependapat.

"Saya tidak mengharapkan timbalan saya sependapat seperti saya. Perbezaan pendapat itu kecil dan kita boleh bekerja tanpa masalah," katanya.

Mengenai pendapat yang Islam membawa kemunduran, Dr Mahathir berkata adalah perlu untuk melangkah ke belakang tetapi bukan hingga lebih 1,000 tahun lalu.

"Kembali semula kepada pengajaran Nabi. Lihat bagaimana ia mempengaruhi penduduk Arab yang jahil sehingga terbentuknya tamadun terkemuka.

"Maka kembalilah kepada pengajarannya yang sebenar mengenai dan bagaimana melindungi diri anda. Tetapi kita lebih menekankan kepada pendekatan berbanding apa yang dikatakan dahulu dan umat Islam hari ini tidak boleh mempertahankan diri dengan kuda dan pedang seperti yang terdapat dalam al-Quran," katanya.

(END)